

Pelajar miskin jadi sasaran

300 pelajar terpilih ikuti program empower ECER Latihan Akademik

DUNGUN - Golongan pelajar miskin yang sederhana dan lemah dalam gred pencapaian akademik menjadi kumpulan sasar untuk dibantu melalui program empower Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Pegawai Pembangunan Dungun, Datuk Din Adam memaklumkan, sebanyak 300 pelajar dari lapan sekolah di daerah ini terpilih mengikuti program empower ECER Latihan Akademik bagi membantu mereka mendapat pencapaian lebih baik untuk transformasi masa depan.

Menurutnya, program berkenaan diadakan dengan tujuan mengukuhkan pencapaian prestasi akademik pelajar-pelajar terbabit khususnya dalam peperiksaan awam seperti Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Lapan sekolah terlibat terdiri daripada empat sekolah rendah dan empat sekolah menengah, termasuk sekolah-sekolah di kawasan



Tetamu kehormat, pengajur dan peserta yang menjayakan seminar Move The Heart.

pedalaman.

"Usaha dilaksanakan empower ECER dengan kerjasama Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) ini wajar dipuji dan disokong kerana ia membawa impak positif bagi pembangunan akademik serta modal insan," katanya.

Din berkata, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) membelanjakan kos

tinggi untuk program tersebut yang sudah memberi manfaat kepada 1,200 pelajar miskin di Dungun sejak diperkenalkan pada 2011.

Beliau memberitahu, bagi 2016, empower ECER Latihan Akademik dilanjutkan kepada pelajar dari Sekolah Kebangsaan (SK) Seberang, SK Delong, SK Padang Pulut, SK Pasir Raja, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Paka, SMK Balai Besar, SMK

Sura dan SMK Bukit Besi.

"Program ini bukan hanya membantu kecemerlangan akademik, malah membawa manfaat dari sudut kemahiran agar dapat diguna pakai oleh pelajar suatu hari kelak," katanya selepas merasmikan Seminar Move The Heart empower ECER Dungun, di SMK Paka, di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Naib Canselor UnisZA, Prof Dr Ahmad Zubaidi

A.Latif berkata, institusi pengajian tinggi itu telah merangka takwim bagi memastikan kejayaan setiap program dilaksanakan.

Katanya, pelaksanaan takwim akademik program empower bukan sahaja membantu pelajar mengukuhkan subjek teras, malah membangunkan sahsiah diri pelajar serta menyuntik semangat untuk mereka terus maju serta berdaya saing.

"Selain kelas tambahan pada setiap minggu, kita akan keru dinamakan Move bagi membantu pembangunan sahsiah diri. Program bukan hanya dijalankan bersama pelajar malah melibatkan guru, pertemuan bersama fasilitator dan pi hak berkaitan.

"UnisZA juga berperanan untuk mencungkil, mengasah serta menggarap bakat pelajar kerana sungguhpun mereka tidak cemerlang, program ini mampu mengubah mereka menjadi lebih bersemangat untuk mencapai kejayaan," jelasnya.